

Duti import 171 barang dikurang hingga 25 peratus

UM 20 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt.
— Belanjawan 2002 menca-
dangkan duti import ke
atas 171 barang termasuk
barang perantaraan diku-
rangkan kepada kosong hi-
ngga 25 peratus.

Datuk Seri Dr. Mahathir
Mohamad berkata, barang-
an yang terbabit termasuk-
lah projektor multimedia,
mesin menjawab telefon,
komponen perabot dan ker-
tas fotografi yang selama
ini dikenakan duti import
di antara lima peratus dan
35 peratus.

“Sebagai langkah sete-
rusnya untuk mengurang-
kan kos dan meningkatkan
daya saing, saya mencada-
ngkan duti import ke atas
55 jenis barangan yang tel-
ah lama dilindungi dikura-
ngkan di antara 20 peratus
dan 105 peratus kepada di
antara 10 peratus dan 50
peratus,” katanya pada
pembentangan Belanjawan
2002 di Dewan Rakyat hari
ini.

Katanya, antara barang-
an yang terlibat adalah
minuman ringan, fabrik te-
nun, renda dan selimut.

Di samping itu juga, bagi
mengurangkan kos pernia-
gaan kepada syarikat per-
kapalan di Malaysia, Dr.
Mahathir mencadangkan
pendapatan sewa kontena
yang mencapai piawaiian
antarabangsa yang diteri-
ma oleh bukan pemastau-
tin daripada syarikat per-
kapalan di Malaysia dike-
cualikan daripada cukai
pendapatan.